



Kelemahan pemantauan dan penguatkuasaan punca silinder LPG bersubsidi digunakan oleh pengguna bukan daripada golongan sasaran. (Foto hiasan)

Kerajaan rugi RM1.717b LPG subsidi disalah guna

Kuala Lumpur: Kerajaan menanggung kerugian hampir RM1.717 bilion dalam tempoh dua tahun akibat penggunaan silinder LPG bersubsidi oleh pengguna bukan daripada golongan sasaran.

Ia membabitkan kerugian dari tahun 2015 hingga 2017.

Rumusan Laporan Ketua Audit Negara 2018 Siri 1 mendapati antara faktor utama kerugian itu ditanggung adalah disebabkan kelemahan dalam pemantauan dan penguatkuasaan.

Pemantauan fizikal audit mengesahkan perniagaan seperti dobi dan kedai makan menggunakan LPG bersubsidi dalam operasi harian mereka walaupun sepatutnya menggunakan LPG komersial.

Antara kelemahan dalam aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan adalah pelantikan pembekal LPG oleh Perbendaharaan tidak membabitkan sebarang perjanjian atau proses serta kaedah pembayaran subsidi daripada kerajaan kepada syarikat berkenaan.

"Audit juga mendapati wujud

pembekal/pengedar/peruncit LPG yang beroperasi tetapi sudah luput kebenaran di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974 (Kebeneran PDA) dan Lesen Barang Kawalan Berjadual yang dikeluarkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

"Selain itu, aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan terhadap syarikat pembekal, pengedar utama dan sub pengedar bagi memastikan pematuhan terhadap akta/peraturan sukar dilaksanakan kerana tiada Standard Operasi Prosedur (SOP) dan sistem khusus dibangunkan bagi melancarkan pengurusan subsidi," katanya.

Antara lain, menurut laporan itu lagi, kekangan jumlah perjawatan anggota penguatkuasaan juga memainkan peranan terhadap kelemahan yang dikenal pasti.

"Kita juga mendapati, syarikat pemborong dan peruncit LPG gagal untuk menyelenggara rekod stok dengan lengkap dan teratur turut menyumbang kepada ketirisan yang berlaku," katanya.